

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kanak-kanak yang telah menerima vaksin *pneumococcal* dan berapa jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tetap komited dalam usaha untuk menurunkan morbiditi dan mortaliti akibat jangkitan bakteria pneumokokus di kalangan kanak-kanak. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menyediakan bekalan vaksin pneumokokal konjugat (*Pneumococcal Conjugate Vaccine PCV*) di semua Klinik Kesihatan. Proses perolehan secara tender terbuka vaksin tersebut telah tertangguh susulan kejadian pandemik COVID-19.
2. Pemberian suntikan vaksin pneumokokal melalui Program Imunisasi Pneumokokal di bawah Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan dianggarkan akan memberi manfaat kepada lebih kurang 500,000 kanak-kanak yang layak setiap tahun setelah ianya dilaksanakan.

3. Buat masa ini, terdapat dua (2) jenis vaksin pneumokokal konjugat (*Pneumococcal Conjugate Vaccine PCV*) yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Kedua-dua jenis vaksin ini kini terdapat di fasiliti kesihatan swasta. Anggaran bilangan kanak-kanak yang telah mendapat suntikan vaksin tersebut di fasiliti kesihatan swasta adalah seramai 72,000 pada tahun 2018 dan meningkat kepada 83,000 pada tahun 2019.

4. Kementerian Kesihatan dalam masa yang sama sedang meningkatkan usaha untuk meningkatkan liputan imunisasi bagi vaksin-vaksin yang telah sedia ada dalam Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan. Kejadian pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan kepada penerimaan vaksin secara keseluruhan, dan ini meningkatkan risiko kepada berlakunya wabak penyakit cegahan vaksin sekiranya ia berterusan. Justeru, anggota kesihatan sedang menjalankan usaha untuk mengesan kanak-kanak yang telah tercicir imunisasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan agar penjadualan semula suntikan vaksin dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.